

‘Usul undi percaya PAS akan gagal’

Anwar ajak pimpinan PH tidak terpedaya dakyah pecah belah parti

BH - 12/2/2020
m/s :15

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: PAS cuba memecahbelahkan Pakatan Harapan (PH) menerusi cadangannya membawa usul undi percaya menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad sehingga habis penggal pada persidangan Dewan Rakyat bulan depan.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yakin usaha parti pimpinan Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu akan menemui kegagalan dan mengajak pimpinan PH tidak terpedaya dakyah terbaru PAS.

“Itu usul PAS, kita tidak anggap itu perkara serius. Itu hanya usaha pecah belahkan (PH).

“Dia akan gagal. Dia gagal dalam pilihan raya dan ini strategi dia. Kita tidak akan tertipu,” katanya selepas menghadiri Majlis Sepetang bersama Alumni Yayasan Anda Akademik (YAA) di sini, semalam.

Beliau berkata, cadangan PAS itu juga tidak perlu dibincangkan pada mesyuarat pimpinan PH memandangkan ia langsung tidak mempunyai asas.

“Tidak pernah berlaku dalam sejarah (pembangkang bawa usul undi percaya), tetapi inilah PAS. Dia boleh hamun, cerca orang




Anwar hadir pada majlis Alumni Yayasan Anda Akademik di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

maksimum, sekarang dia beri sokongan maksimum (kepada Dr Mahathir).

“(Cadangan usul undi percaya PAS) bukan canggung sikit, tetapi tidak pernah berlaku dalam sistem demokrasi (negara),” katanya.

Sabtu lalu, Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata parti itu akan membawa usul undi percaya kepada Dr Mahathir, satu usaha menangani kemelut peralihan kuasa.

Tuan Ibrahim juga menyifati-

 **Dia akan gagal. Dia gagal dalam pilihan raya dan ini strategi dia. Kita tidak akan tertipu.**

Anwar Ibrahim,
Presiden PKR

kan peralihan kuasa pada ketika ini dikhuatiri akan mengganggu kestabilan politik dan ekonomi.

Sementara itu, Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Mohamad Hasan, dilaporkan berkata, partinya juga berkemungkinan menyokong usul undi percaya itu.

Mohamad berkata, jika usul undi percaya itu menjadi langkah baik dan memberi manfaat kepada rakyat, UMNO tidak akan teragak-agak menyokongnya.